

TPM pelawa usahawan teknologi

Harian Metro

18 Disember 2017 | Isnin

Kuala Lumpur

TPM pelawa usahawan teknologi

Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM), syarikat milik kerajaan di bawah seliaan Kementerian Kewangan mempelawa usahawan dan usahawan teknologi di Johor untuk memanfaatkan infrastruktur dan perkhidmatannya dalam usaha menembusi pasaran global.

Dalam kenyataan dikeluarkan, TPM berkata, pihaknya menawarkan khidmat nasihat khusus dan program pembangunan keusahawanan komprehensif.

“Ditubuhkan pada 1996,

TPM berperanan sebagai pemacu bidang sains, teknologi dan inovasi.

“TPM memainkan peranan penting dalam pembangunan usahawan teknologi bagi kelompok industri bioteknologi dan sains hayat, perkhidmatan inkubasi, kejuruteraan lanjutan, teknologi maklumat dan komunikasi serta tenaga boleh diperbaharu,” katanya.

TPM juga inkubator pertama di Malaysia menawarkan perkhidmatan inkubasi maya, dikenali sebagai Advise.